



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

15 September 2004

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 5/2004
PENDAFTARAN TUNGGAL (SINGLE REGISTRATION) BAGI
SIJIL PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Penyedia Latihan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mengenai Pendaftaran Tunggal (Single Registration) bagi Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan yang merangkumi Skim PROLUS, PERLA, SBL-KHAS, Perantisan dan skim-skim latihan lain anjuran PSMB.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pekeliling Penyedia Latihan Bil 4/2002 bertarikh 1 November 2002 memaklumkan kepada semua penyedia latihan tentang pengkelasan sijil pendaftaran penyedia latihan kepada 3 kategori seperti berikut:

i) Kelas A

Penyedia Latihan yang berdaftar di bawah kelas A boleh menjalankan latihan samada di premisnya, hotel, premis majikan dan premis penyedia latihan yang telah berdaftar di bawah Skim PROLUS. Penyedia latihan di bawah Kelas A juga boleh menyertai Skim PERLA, SBL Khas dan perantisan bagi melaksanakan program-program latihan yang berbentuk "hard skills" dan "soft skills".

ii) Kelas B

Penyedia Latihan yang berdaftar di bawah kelas B hanya dibenarkan menjalankan latihan di premisnya sahaja. Ia juga boleh menyertai Skim PERLA, SBL Khas dan Perantisan bagi melaksanakan program-program latihan yang berbentuk "hard skills" dan "soft skills".

iii) Kelas C

Bagi penyedia latihan yang tidak mempunyai kemudahan

bilik latihan tetapi mempunyai pejabat tetap dan kakitangan sokongan mereka boleh mendaftar di bawah Kelas C. Penyedia latihan di bawah Kelas C hanya dibenarkan untuk menyertai Skim SBL dan Skim SBL Khas bagi melaksanakan program-program latihan yang berbentuk "soft skills" sahaja.

2.2 Sijil pendaftaran penyedia latihan yang diamalkan oleh PSMB pada masa sekarang adalah berasaskan kepada nombor siri "Alpha-numeric" mengikut kelas pendaftaran seperti contoh-contoh berikut:

- a) Kelas A diberi nombor siri A0012
- b) Kelas B diberi nombor siri B0012
- c) Kelas C diberi nombor siri C0012

Di samping itu, perbezaan pada warna sijil juga dibuat bagi sijil pendaftaran penyedia latihan iaitu kelas A - emas, Kelas B - perak dan Kelas C - hitam dan putih.

2.3 Sijil pendaftaran penyedia latihan yang ada sekarang juga tidak menyatakan dengan jelas skim-skim latihan yang dijalankan oleh penyedia latihan.

3. PENDAFTARAN TUNGGAL (SINGLE REGISTRATION) UNTUK SIJIL PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN

3.1 Bagi tujuan pemantauan terhadap skim-skim latihan yang dijalankan oleh penyedia latihan yang berdaftar, PSMB telah mewujudkan format baru bagi sijil pendaftaran penyedia latihan yang mengandungi ciri-ciri berikut:

- a) Pendaftaran Tunggal (Single Registration) dengan menggunakan nombor siri unik iaitu nombor siri "numeric" bagi sijil pendaftaran penyedia latihan; dan
- b) Keterangan yang lebih jelas mengenai kelas sijil pendaftaran penyedia latihan, tarikh kelulusan dan tamat sijil serta skim-skim latihan yang dibenarkan.

3.2 Nombor siri unik yang diberi kepada setiap penyedia latihan hendaklah digunakan bagi semua urusan yang melibatkan PSMB. Contoh Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan yang berasaskan "numeric" adalah seperti di Lampiran A. Nombor siri "numeric" ini juga hendaklah digunakan semula oleh penyedia latihan yang telah dibatalkan status sijil pendaftarannya dan kemudian ingin mendaftarkan semula sebagai penyedia latihan. Pendaftaran semula [Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan](#) hanya boleh dibenarkan selepas satu (1) tahun daripada tarikh sijil

Pendaftaran Penyedia Latihan dibatalkan.

3.3 Jadual mengenai maklumat skim-skim latihan yang dibenarkan ada dicatitkan pada Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan tersebut. Manakala maklumat terperinci mengenai setiap skim latihan tersebut ada disimpan dalam pangkalan data PSMB.

3.4 Kebaikan sijil pendaftaran penyedia latihan yang berasaskan nombor siri "numeric" boleh dilihat dari segi aspek berikut:

i) Mudah bagi penyedia latihan untuk mengenalpasti skim-skim latihan yang dibenarkan kerana maklumat mengenainya ada tercatat dalam Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan;

ii) Penyedia Latihan boleh memohon untuk menaikkan taraf kelas Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan atau untuk menambahkan skim latihan dengan syarat Sijil Pendaftaran Penyedia Latihannya hendaklah disertakan bersama permohonan tersebut untuk pertimbangan dan jika diluluskan Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan tersebut akan di kemaskini; dan

iii) Memudahkan penyediaan maklumat untuk tujuan laporan seperti bilangan penyedia latihan yang menyertai Skim PROLUS, PERLA, SBL-KHAS, Perantisan dan sebagainya.

3.5 Pendaftaran tunggal sijil pendaftaran penyedia latihan ini juga tertakluk kepada lain-lain pekeliling penyedia latihan yang masih lagi diterima pakai seperti berikut: -

- a. **Pekeliling Penyedia Latihan Bil 2/2002**
Bayaran Pertukaran Nama Penyedia Latihan di Bawah Pendaftaran Penyedia Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad
- b. **Pekeliling Penyedia Latihan Bil 4/2002**
Prosedur Pendaftaran Penyedia Latihan Dan Kadar Yuran Baru Bagi Semua Aktiviti Penyedia Latihan Yang Berdaftar Di Bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia
- c. **Pekeliling Penyedia Latihan Bil 1/2003**
Prosedur Permohonan Pendaftaran Program Latihan Dan Pembaharuan Program Latihan
- d. **Pekeliling Penyedia Latihan Bil 2/2004**
Prosedur Pendaftaran Dan Pembaharuan Program Latihan Di Bawah Skim Latihan SBL-Khas
- e. **Pekeliling Penyedia Latihan Bil 3/2004**
Prosedur Baru Mengenai Syarat Tambahan Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan

4. **PENUTUP**

- 4.1 Urusetia PSMB akan memproses pengeluaran Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan yang baru berasaskan nombor siri "numeric" secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan seperti berikut:
- a) Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan Yang Baru Diluluskan;
 - b) Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan Yang Tempoh Sah Melebihi 6 Bulan;
 - c) Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan Yang Tempoh Sah ialah 3 Bulan Hingga 5 Bulan; dan
 - d) Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan Yang Tempoh Sah ialah Dua Bulan dan Kebawah.
- 4.2 Jika ada sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, tuan boleh menghubungi Encik Nor Azimin Bin Abd Razak melalui talian (03-20984829) dan Puan Mariyah Binti Mustapha (03-20984830).
- 4.3 Pekeliling Penyedia Latihan Bil 5/2004 berkuatkuasa pada 15 September 2004.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**“PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN”
“BERSAMA SEIRING MENGHADAPI GLOBALISASI”**

Yang ikhlas,

(DATUK YAU DE PIYAU)

Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

